

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]

**TARIKH :** 17.3.2015

**SOALAN :**

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keputusan PT3 yang baru diperkenalkan tahun 2014 mengejutkan pelbagai pihak dan menimbulkan banyak persoalan. Bagaimanakah Kementerian menangani sikap guru-guru penilaian dalam menghadapi PT3 dan sejauh manakah Kementerian boleh memastikan tidak ada pilih kasih dan berat sebelah dalam penilaian pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) merupakan komponen Pentaksiran Pusat (PP) yang terdapat dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Peranan PT3 adalah sebahagian daripada pemacu arah pendidikan menengah rendah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pentaksiran yang berkualiti akan menghasilkan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang tahap pembelajaran murid. Sehubungan dengan itu, kebolehpercayaan terhadap pentaksiran yang

dijalankan oleh guru ditingkatkan melalui penjaminan kualiti yang dilaksanakan melalui:

#### **1. Pementoran**

Membantu, memudah cara, membimbing, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman guru untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan.

#### **2. Penyelarasan**

Memastikan keseragaman pelaksanaan tugas dan penskoran demi keadilan kepada calon serta kesahan dan kebolehpercayaan skor.

#### **3. Pengesanan**

Memastikan instrumen pentaksiran yang digunakan mampu menghasilkan skor yang sah dan boleh dipercayai.

#### **4. Pemantauan**

Memastikan pelaksanaan PBS mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan bagi mengelakkan penyelewengan dan ketidakuran. Pemantau Dalaman dilantik di peringkat sekolah manakala pemantau luaran pula terdiri dalam kalangan pegawai KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

KPM menaruh keyakinan bahawa langkah-langkah penjaminan kualiti tersebut dan tahap integriti guru-guru yang tinggi dapat memastikan

pentaksiran yang dilakukan telah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya tanpa sebarang pilih kasih dan berat sebelah.

RJM32